

Syor perluas insentif sedia ada pengangkutan awam

Pas perjalanan tanpa had beri manfaat kepada pengguna, tambah bas mini

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran memperluas insentif sedia ada berhubung bidang pengangkutan awam dalam Belanjawan 2020 bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Pensyarah ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusof Saari, berkata insentif seperti pas perjalanan tanpa had My100 serta My50, memberi manfaat kepada pengguna yang menjadikan pengangkutan awam pilihan utama untuk pergerakan mereka dan perlu diteruskan.

Selain itu, beliau berkata, perkhidmatan bas mini perlu diperluas berikutan permintaan tinggi, terutama di kawasan per-

mahan dalam bandar.

“Pengenalan bas mini adalah satu perkara tepat sebab kita ta-hu sesetengah pengangkutan awam tidak dapat menyediakan perkhidmatan ke kawasan seperti taman perumahan. Ketika ini, masalahnya ialah kesalinghubungan yang tidak efisien,” katanya.

Bagi menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam pula, Mohd Yusof berkata, pelaksanaan sistem penggunaan satu tiket boleh memudah dan mengurangkan kos pengguna.

“Ketika ini, perkara menyukarkan ialah jika mahu bergerak dari satu tempat ke tempat lain, orang awam perlu membeli tiket berasingan. Ia menambahkan kos rakyat. Mungkin cadangan itu boleh difikirkan kerajaan,” katanya.

Mengenai pengangkutan awam di luar bandar, Mohd Yusof berkata, kerajaan perlu memikirkan cara lebih mudah dan fleksibel tanpa memerlukan perbelanjaan tinggi.



Pelaksanaan sistem penggunaan satu tiket boleh memudah dan mengurangkan kos pengguna.

**Dr Mohd Yusof Saari,
Pensyarah ekonomi UPM**

Mengambil contoh di Sabah, beliau berkata, ada beberapa ka-wasan pedalaman hanya meng-gunakan perkhidmatan van un-tuk membantu memudahkan urusan perjalanan penduduk se-tempat.

“Laluan pendek seperti kam-pung ke pusat bandar, tidak me-merlukan perkhidmatan bas ke-rana ia tidak sesuai jika meng-a-mbil kira kepadatan penduduk di kawasan itu. Justeru, perjalanan dengan menaiki van adalah lebih mudah dan murah,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pen-garuh (Jaringan Industri & Peng-komersialan), Institut Pengang-kutan Malaysia (MITRANS), Dr Shahrin Nasir, berkata pas per-jalanan tanpa had terbabit wajar diteruskan kerana memberi kesan baik, terutama mengurang-kan kos sara hidup rakyat.

Beliau berkata, lebih baik se-kiranya kemudahan seperti itu turut diperluas ke bandar lain agar usaha kerajaan berkenaan dapat dirasai seluruh rakyat.

BERNAMA